



## SIARAN MEDIA

### NASI LEMAK SIMBOL PENYATUAN RAKYAT MALAYSIA PELBAGAI KAUM

**Shah Alam**, 29 Oktober 2023 – Program Food Unites : Ini Warisan Kita telah berjaya mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai "**The most nasi lemak sold in a day**". Program telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di I-City, Shah Alam, hari ini.

Program Ini Warisan Kita yang telah dilancarkan pada Jun lalu merupakan satu daripada inisiatif Kementerian untuk **melestarikan warisan dan khazanah negara** yang kaya merangkumi kepelbagaian adat dan budaya etnik serta kemajmukan dari segi kepercayaan dan latar bahasa. Program ini mengetengahkan elemen etnisiti, bahasa, permainan tradisi, kesenian, alat muzik, budaya dan adat resam serta **kepelbagaian makanan warisan rakyat Malaysia**.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan **Program Citarasa Menu KAMI** yang **menghimpunkan detik-detik perpaduan** melalui variasi **hidangan pilihan makanan rakyat Malaysia**. Tiga (3) buah premis makanan di setiap negeri yang mencerminkan perpaduan akan diberikan sijil serta plak "Citarasa Menu Kami".

Segmen FoodUnites : Ini Warisan Kita pada kali ini telah mengetengahkan menu Nasi Lemak dengan **tema makan sama-sama**. Sebanyak **11 buah gerai nasi lemak paling popular** di Lembah Klang telah mengambil bahagian pada program ini seperti Nasi Lemak Village Park, Nasi Lemak Suri 223, Nasi Lemak Warung Rindu Pak Ya, Nasi Lemak Chef Fauzey, Nasi Lemak Ru Yi Vegetarian, Nasi Lemak Ayob, Nasi Lemak BangSudu, Nasi Lemak Pak Nasser, Nasi Lemak Mok Teh, Nasi Lemak Akka dan Nasi Lemak Tamparuli.

Nasi lemak dilihat sebagai makanan ruji yang amat digemari oleh rakyat Malaysia dari pelbagai kaum serta telah menjadi salah satu identiti makanan Malaysia yang terkenal dalam kalangan pelancong dari luar negara. Menerusi program ini, 11 buah gerai telah menonjolkan keunikan dan kreativiti masing-masing dalam menghasilkan nasi lemak yang terbaik.

Tema ini juga merupakan simbolik kepada kebersamaan rakyat mencipta peluang untuk perhubungan antara warisan budaya yang berbeza di Malaysia serta membentuk pemahaman, sikap toleransi dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.

Program Ini Warisan Kita yang telah dilancarkan pada Jun lalu merupakan salah satu usaha Kementerian untuk melestarikan warisan dan khazanah negara. Program ini mengetengahkan elemen etnisiti, bahasa, permainan tradisi, kesenian, alat muzik, budaya dan adat resam serta **kepelbagaian makanan warisan rakyat Malaysia**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata "Kerajaan sentiasa berusaha mengangkat identiti makanan Malaysia sebagai **simbol khazanah warisan negara**. Salah satu usaha tersebut ialah dengan menghantar pencalonan Budaya Sarapan Malaysia ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)."

Beliau turut berharap agar usaha seperti ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat khususnya dalam **mengenali warisan melalui makanan sekaligus mengiktiraf dan menghargai keunikan adat budaya warisan setiap kaum**.

Program yang berlangsung selama dua (2) harini ini turut menyediakan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik seperti Pertandingan Mewarna Perpaduan, Persembahan Uniti, Pertandingan Membungkus Nasi Lemak Daun Pisang, serta Jualan *Food Truck*.

## Kementerian Perpaduan Negara

29 Oktober 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agenzia Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-

Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ( )